



MINDA PENDIDIK

**ABDUL SAID AMBOTANG**

Bersama Mohd Yusof Abdullah,  
Baharom Mohamad, Shukri Zain,  
Muhamad Suhaimi Taat dan Roslee Talip

08 5.3.2014 B4

# Menerapkan kemahiran berfikir

MENURUT pandangan Islam, berfikir ialah fungsi akal yang mengawal tenaga bagi memastikan otak manusia dapat bekerja dan beroperasi dengan baik serta tenaga ini boleh diperolehi melalui tafakur atau merenung. Manakala, pemikiran pula merupakan proses penyusunan konsep atau idea berkaitan tentang apa difikir yang melibatkan beberapa aktiviti menyusun idea atau menjangka perkara tersembunyi, membuat kesimpulan untuk mendapatkan ilmu atau kemahiran baru akan digunakan untuk penyelesaian masalah yang kian mencabar. Kemahiran berfikir pula ialah kecekapan seseorang menggunakan akal menjalankan proses pemikiran. Penerapan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar pada hari ini, secara langsung mendedahkan pelajar kepada kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif untuk menghadapi dunia yang saling berhubungkait tanpa sebarang sempadan, melatih mereka agar mempunyai kebolehan memimpin dan berupaya menjana ekonomi negara pada masa akan datang dengan penuh keyakinan dan berketrampilan.

KBSM yang dilaksanakan pada 1988 adalah usaha awal menerapkan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar. Antara objektif utama KBSM ialah membolehkan pelajar menguasai kemahiran berinteraksi dalam situasi sebenar menitikberatkan pembelajaran ke arah memahami diri untuk mengembangkan bakat serta mementingkan peribadi dan watak. Penerapan kemahiran berfikir secara langsung akan membantu pelajar membentuk keseimbangan antara ilmu pengetahuan dengan unsur nilai dan amalan dalam menyelesaikan masalah mengikut situasi kehidupan harian.

Jelas dilihat penerapan kemahiran berfikir yang dirintis melalui pelaksanaan KBSM melatih pelajar untuk mendapat kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif untuk membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dengan bijak. Pelajar berkeupayaan untuk mengaplikasikan pengalaman serta kemahiran berfikir secara lebih praktikal sama ada di sekolah atau kehidupan di luar. Ini akan membantu pelajar mengatasi kesusialan berfikir yang terburu-buru, bercegaru, keliru dan sempit.

Selaras dengan kepentingan menerapkan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar, mereka perlu didedahkan kepada dunia sebenar untuk melatih pelajar agar menggunakan kemahiran berfikir kritis, berkebolehan meluahkan idea dan menghuraikan idea secara asli. Pendedahan serta latihan awal yang dilalui sendiri oleh pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah akan membina asas yang kukuh dalam usaha melahirkan generasi berfikir mantap.

Kepentingan menerapkan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar semakin ditekankan menerusi transformasi pendidikan yang dilaksanakan dengan mengeksplotasikan kemahiran berfikir dalam pengajaran kerana berfikir adalah satu kemahiran dan bukannya kebolehan semula jadi. Pelaksanaan NKRA turut menggariskan kurikulum standard prasekolah kebangsaan agar menekankan penerapan kemahiran berfikir untuk memastikan perkembangan pemikiran kanak-kanak secara holistik yang merangkumi kemahiran berfikir dalam menyelesaikan masalah dihadapi, sentiasa positif, berkeyakinan, bertolak ansur, mengamalkan nilai-nilai murni dan bersedia untuk meneruskan pembelajaran pada peringkat sekolah rendah.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2015, turut menekankan kepentingan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar. Selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara bermatlamat untuk melahirkan modal insan yang seimbang secara menyeluruh dan merangkumi pelbagai dimensi dari segi intelek, rohani, jasmani dan emosi selaras dengan FPN. Penerapan kemahiran berfikir tidak hanya menekankan kepentingan memperoleh ilmu pengetahuan semata-mata tetapi pentingnya setiap pelajar dibekalkan dengan pelbagai ilmu dan kemahiran untuk berjaya dalam kehidupan khususnya mendepani cabaran dunia pada hari ini yang merentasi konsep dunia globalisasi.

Walaupun sering berlaku perubahan dasar dan perancangan jangka panjang dalam pendidikan, kepentingan penerapan kemahiran berfikir tetap menjadi teras dalam setiap perubahan. Antara kepentingan penerapan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar adalah sebagai aspirasi murid. Ini akan

mendidik pelajar cara untuk memperoleh ilmu pengetahuan sepanjang kehidupan mereka dengan menerapkan perasaan ingin tahu, berani mencuba sesuatu yang berunsur positif dan mengamalkan sikap pembelajaran sepanjang hayat.

Terdapat beberapa kepentingan utama penerapan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar yang meliputi beberapa aspek utama bagi menjamin kestabilan dan peningkatan taraf hidup masyarakat Malaysia. Kepentingan dari aspek ekonomi merupakan faktor utama dan pentingnya kemahiran berfikir dalam kehidupan pada hari ini. Perkembangan sains dan teknologi yang pesat akan membantu menaik taraf ekonomi negara sekali gus menjadi sebuah negara industri.

Secara langsung, pada masa hadapan permintaan terhadap pekerja-pekerja mahir akan meningkat dalam pasaran buruh. Untuk mencapai matlamat ini pelajar perlu dilatih agar mempunyai kemahiran berfikir kritis dan kreatif di samping mampu menguasai kemahiran sintifik dan kemahiran teknologi sekali gus melancarkan peningkatan ekonomi negara dengan lebih efektif. Melalui penyebatian kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis dengan menerapkan unsur-unsur berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran mendedahkan pelajar sebagai langkah awal agar mampu menyelesaikan sesuatu masalah dengan berkesan dan bijak terutamanya yang melibatkan tuntutan di alam pekerjaan era dunia glabalisasi. Terutamanya ilmu dalam bidang ekonomi yang berasaskan k-ekonomi. Setiap modal insan yang dilahirkan perlu menguasai pelbagai kemahiran kognitif khususnya penyelesaian masalah, penaakulan dan pemikiran kreatif dan inovatif untuk mencipta ilmu yang baharu selaras dengan perubahan dan keperluan semasa.

Penerapan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar juga penting dari aspek sosial untuk memastikan kestabilan ekonomi dan politik negara yang didiami pelbagai kaum dan corak kehidupan masyarakat yang kompleks dan berkembang maju. Tambahan pula kepesatan kemajuan sains dan teknologi yang semakin canggih menyebabkan penyebaran ilmu dan maklumat berlaku dengan pantas. Maka, pelajar pada hari ini harus didedahkan pada setiap perubahan yang berlaku agar mereka bersedia dan sentiasa terbuka untuk menimba ilmu pengetahuan bagi menempuh cabaran mendatang. Ilmu pengetahuan yang dituntut dan disampaikan perlu sejajar dengan keperluan negara. Peranan penyebatian dan penerapan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif disalurkan melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Perubahan sukatan pelajaran dalam bidang pendidikan menyebabkan pendidik dan pelajar sering berhadapan dengan situasi yang memerlukan mereka menyoal soalan relevan dan jawapan disokong dengan fakta yang kukuh tentang isu diutarakan serta memperoleh rumusan yang mantap berdasarkan kajian dijalankan.

Penekanan kemahiran berfikir dengan mengintegrasikan kemahiran ini di dalam kurikulum di peringkat pengajian tinggi pula akan melatih graduan untuk memperoleh kemahiran berfikir untuk menjadi pemimpin yang efektif. Tambahan lagi, kemahiran berfikir ini penting untuk membentuk warganegara yang berpengetahuan dan mampu menggunakan semaksimum mungkin pemikiran mereka untuk menghadapi pelbagai cabaran, tekanan dan perubahan yang mungkin akan berlaku secara drastik. Kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis juga membentuk individu menjadi lebih inovatif serta mempunyai daya kreativiti yang baik, ideal, imaginatif dan mempunyai unsur-unsur humanistik dan artistik yang tinggi dalam membentuk masyarakat yang mempunyai nilai ketamadunan yang tinggi.

Secara tuntas dapat dirumuskan berfikir ialah satu proses minda untuk mencari makna dan kefahaman terhadap sesuatu yang dilakukan hampir pada setiap masa. Dalam situasi tertentu kemahiran berfikir amat perlu untuk menerokai pelbagai kemungkinan idea, pertimbangan yang wajar bagi membuat keputusan dan menyelesaikan masalah mengikut kesesuaian situasi dan seterusnya membuat refleksi serta metakognitif terhadap proses yang dilalui khususnya dalam melahirkan modal insan yang berkebolehan dari pelbagai sudut dimensi kehidupan.

\*Penulis adalah Pensyarah Kanan di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, UMS dan dapat dihubungi melalui solat5@yahoo.com